

Use this area to offer a short teaser of your email's content. Text here will show in the preview area of some email clients.



**18 September 2012
Isu 2**



Peniaga Pasar Malam Dihalau?

Isnin, 10 Sep - Para peniaga pasar malam berdekatan Flat PKNS 17 Tingkat dimaklumkan minggu lalu bahawa mereka tidak boleh lagi bermiaga di tapak pasar malam tersebut walaupun sudah beroperasi di situ lebih 20 tahun. Namun Alhamdulillah, YB Nurul Izzah tiba tepat pada ketika para penguatkuasa DBKL hendak menutup pasar malam tersebut, sekitar jam 5 petang pada Jumaat, 7 Sep. Beliau berjaya mendapatkan penangguhan penutupan pasar tersebut sehingga beberapa isu penting diselesaikan, termasuklah:

- tapak baru pasar malam telah dikenalpasti dan dipersetujui
- laporan impak trafik diserah kepada pengurus JMB, oleh sebab DBKL menggunakan alasan jalan tersebut akan diguna sebagai laluan ke tapak pembangunan berdekatan
- laporan impak alam sekitar

YB Nurul Izzah seterusnya telah memanggil satu sidang media bersama para peniaga pasar malam tersebut pada 10hb Sep untuk mengetengahkan masalah ini.

Jadilah sukarelawan Nurul Izzah

- Sebagai Polling Agent/Counting Agent untuk PRU13
- Sebagai doktor, jururawat, guru tuisyen
- Sumbangan dana: 'Ahli Parlimen Lembah Pantai'
A/C: 5641 2834 5008
Maybank - Bangsar Baru

Program Akan Datang

- 22 Sept, 8.30mlm - Dialog bersama penduduk di Devi's Corner, Bangsar Baru
- 24 Sept - Sesi Parliamen bermula
- 29 Sept, 8mlm - Pesta Tanglung di Taman Seri Sentosa

Ikuti YB Nurul Izzah di

[Facebook](#)

[Twitter](#)

Pada waktu ini, pihak DBKL telah memaklumkan bahawa satu tapak pasar malam baru masih "dalam perbincangan", manakala Menteri Wilayah Persekutuan pula mengatakan yang pasar malam tersebut akan ditempatkan di tempat letak kereta flat tersebut.

Gambar.

Laporan media di Free Malaysia Today.

Beraya bersama penduduk KTM Bangsar



Rabu, 12 Sep - YB Nurul Izzah telah menghadiri program rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri anjuran penduduk KTM Bangsar di Bangsar Utama. Jelas dari sambutan hangat yang diterima YB Nurul Izzah sewaktu program ini yang penduduk rata-rata menyokong usaha beliau sebagai Ahli Parlimen Lembah Pantai. Namun begitu, terdapat kegusaran terutama bagi pekerja KTM akibat berita akhir-akhir ini yang mengatakan mungkin [KTM Berhad akan diambil alih oleh syarikat MMC kepunyaan Tan Sri Syed Mokhtar](#).

Gambar program.

Semangat Memberi



Jumaat, 14 Sep - Di akhir Syawal, lebih 30 warga Lembah Pantai telah menerima sedikit bantuan dalam bentuk hamper makanan dan kerusi roda, ikhlas dari Ahli Parlimen Lembah Pantai YB Nurul Izzah Anwar. Sesi pemberian yang ringkas telah diadakan di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Lembah Pantai di Jalan Pantai Murni 6, Pantai Dalam.

[Klik untuk gambar](#)

PR dan BN: Sama tapi Berbeza

Oleh YB Nurul Izzah Anwar

Pakatan Rakyat dan Barisan Nasional mempunyai persamaan pada perkara-perkara pokok kenegaraan.

Perbezaan yang wujud adalah mengenai pendekatan prinsip pemerintahan dan soal demokrasi.

Secara ringkasnya "Ada lima yang sama dan ada lima yang berbeza di antara PR dan BN."

Lima Persamaan Pokok... ([Baca seterusnya](#))

(Disiarkan di Sinar Harian pada 11 Sep 2012)

Sebarkan!

Marilah bantu YB Nurul Izzah untuk sebarkan maklumat kerja-kerja beliau di Lembah Pantai dengan:

- mengajak teman-teman (terutama yang di Lembah Pantai) untuk [sertai](#) Kanta Lembah Pantai
- hantar emel ini kepada rakan-rakan

- cadang cara baru untuk [mendekati warga Lembah Pantai](#)

Ayuhlah kita sama-sama melakukan perubahan,
demi Malaysia yang lebih baik!

- Pejabat YB Nurul Izzah

Copyright © 2012 Ahli Parlimen Lembah Pantai, All rights reserved.



[unsubscribe from this list](#) | [update subscription preferences](#)